



Oleh : Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaluddin Al-Razi Al-Azhari

### **Isu Wahabi: Siapa Mereka dan Mengapa Mereka Ditentang?**

Fenomena “Wahabi” merupakan sesuatu yang hangat diperkatakan samada di kalangan awam mahupun di kalangan para ilmunan. Adapun penulis, bukanlah dari kalangan ahli ilmu, cuma masih sekadar penuntut ilmu Islam buat masa ini. Apa yang akan ditulis oleh penulis, kebanyakannya diambil daripada para ahli ilmu yang sempat ditemui oleh penulis, kerana penulis sedar bahawa, untuk menjadi ahli naqd (ahli ilmu yang layak mengukur betul atau salahnya sesuatu dalam agama, atau ahli kritik), maka penulis bukanlah orangnya bahkan masih belum layak.

Penulis yang masih sekadar ahli penuntut ilmu ini sekadar ingin berkongsi penilaian para ulama’ muktabar dalam isu ini, bagi tujuan kemanfaatan bersama:

Isu Wahabi sering dikaitkan dengan suatu golongan yang ekstrim (tasyaddud) dalam urusan agama. Ramai para ilmunan Islam saling mengutarakan persepsi-persepsi masing-masing mengenai golongan tersebut.

### **Siapakah Wahabi?**

Golongan Wahabi bukanlah suatu golongan yang berdaftar di bawah sesuatu pertubuhan atau yang membawa kad pengenalan yang mengatakan diri mereka adalah wahabi dan sebagainya. Golongan Wahabi juga bukanlah suatu yang berkaitan dengan mereka yang mengaku wahabi atau tidak. Tetapi, realitinya, wahabi ini merupakan suatu penggunaan kata yang abstrak dan subjektif, dalam penggunaan masyarakat, samada di kalangan awam ataupun di kalangan para ilmunan.

Sememangnya, dari takrif “kertas” (penyelidikan berbentuk akademik), Wahabi selalunya merujuk kepada golongan yang mendokong pemikiran Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab. Tetapi, dari sudut realitinya, penggunaan istilah Wahabi bukan sahaja terbatas kepada golongan yang mendokong pemikiran Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab semata-mata, bahkan ianya sering

dikaitkan dengan mereka yang “terlalu keras” dalam menghukum sesuatu dalam urusan agama, dan “terlalu sempit” kaedah menggali hukum mereka, dalam perbendaharaan syariat Islam yang murni. Bahkan, ada sesetengah golongan yang turut dikaitkan dengan “bersikap keras” (tasyaddud) dalam masalah aqidah, terutamanya dalam membincangkan tentang sifat-sifat mutasyabihat (kesamaran) Allah s.w.t. yang termaktub dalam wahyu Ilahi s.w.t.

Namun, pada hari ini, didapati bahawa, hatta kebanyakan dari kalangan pendokong pemikiran dan manhaj Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab sendiri tidak mengaku sebagai Wahabi, bahkan tidak mengiktiraf istilah tersebut juga, apatah lagi untuk menisbahkan diri mereka kepadanya, atau dinisbahkan kepada istilah tersebut.

Bagi mereka, mereka bukanlah sekadar penyokong dan pendokong pemikiran Sheikh Muhammad Abdul Wahab (Wahabi) semata-mata, bahkan mereka merupakan pendokong pemikiran dan manhaj salafus soleh[1]. Oleh itu, mereka bukanlah sekadar Wahabi, tetapi mereka adalah Salafi, menurut mereka.

### **Dari Wahabi Ke Salafi**

Sepertimana yang dibincangkan sebelum ini, Salafi atau Wahabi bukanlah berkaitan dengan suatu golongan yang berdaftar sebagai ahli, atau merujuk kepada golongan yang memperjuangkan seseorang tokoh semata-mata dan sebagainya, tetapi ianya lebih merujuk kepada suatu pemikiran, yang mana, jika seseorang berfikir sedemikian, dia akan dikatakan sebagai Wahabi atau Salafi.

Hatta, ada di kalangan mereka yang mengaku bebas dalam berijtihad sekalipun, takkala mempunyai pemikiran yang dikatakan “terlalu keras dalam menghukum” (tasyaddud), dan “terlalu sempit kaedah ijtihad mereka”, dan sebagainya, turut dilebel sebagai golongan Wahabi atau salafi.

Ada juga yang mengaku Salafi, tetapi tidak mengaku Wahabi kerana mereka mendakwa, mereka mendokong manhaj pemikiran salaf, bukan sekadar mendokong pemikiran Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab walaupun, dalam masa yang sama, mereka menyokong Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab dan golongan Wahabi, kerana, menurut mereka, golongan Wahabi juga mempunyai manhaj yang sama dengan mereka, iaitu mendokong manhaj salafus soleh.

Mengaku atau tidak, dilabel sebagai Wahabi atau tidak, atau sekadar mengaku salafi, bukan Wahabi, dan sebagainya, itu bukan suatu masalah yang besar, bahkan bukan bukanlah suatu masalah sekalipun. Apa yang penting, apa yang sebenarnya ditentang oleh golongan yang dikatakan kontra-Wahabi bukanlah mereka yang bernama Wahabi, atau mengaku Salafi Wahabi, tetapi apa yang mereka tentang adalah, fahaman Salafi Wahabi tersebut itu sendiri, seperti yang disebutkan sebelum ini, dan akan dijelaskan selepas ini, insya Allah.

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, makna perkataan Wahabi Salafi dari sudut realitinya, atau secara umumnya, sering merujuk kepada sebuah kaedah berfikir yang “terlalu keras” (tasyadud) atau tertutup/statik (jumud), samada dalam masalah aqidah mahupun dalam masalah fiqh. Kalau anda merasakan atau mengaku salafi kerana mengaku sebagai pembela salafus soleh, namun tidak bersifat dengan sifat-sifat berkenaan, maka anda bukanlah sasaran tentangan golongan anti-Wahabi (yang merupakan golongan majoriti umat Islam sehingga hari ini, khususnya di kalangan para ulama’ Islam), selagimana anda tidak bersikap menyalahkan semua orang yang tidak sependapat dengannya dalam masalah furu’[2] dan ijthadi[3].

---

[1] Salafus soleh: Orang-orang Islam yang hidup dalam lingkungan masa dari abad pertama hijrah, sehinggalah abad ketiga hijrah

[2] Furu’: masalah-masalah cabang, bukan masalah-masalah dasar atau utama

[3] Masalah ijthadi: Ia merujuk kepada permasalahan-permasalahan yang dibincangkan, yang mana, sumber perbincangan tersebut adalah dari nas-nas (dalil) yang tidak jelas maknanya (dzonni ad-dilalah) dan sebagainya



## Siri Penolakan Terhadap Wahabi (2): Keliru Tentang Pertembungan Antara Wahabi dengan selainnya

Nov 16, '06 9:55 PM  
for everyone

Oleh : Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaluddin Al-Razi Al-Azhari

Ramai di kalangan masyarakat, awamnya mahupun ahli ilmunya, berkemungkinan, terkeliru tentang pertembungan Wahabi dengan golongan kontra terhadap mereka.

Mereka yang terkeliru mengatakan: “Mengapa perlu bersungguh-sungguh dalam menentang Wahabi?”

Golongan yang bertanya dan saling bertanya tentang persoalan yang sebegitu sebenarnya tidak mendapat gambaran yang sempurna tentang pertentangan dan pertembungan tersebut.

### **Gambaran Pertama:**

Golongan ilmunan yang menolak dan menentang golongan yang dikatakan sebagai Salafi atau Wahabi, menentang mereka (Salafi Wahabi), bukan kerana nama mereka Wahabi atau Salafi, tetapi kerana mereka menentang pemikiran dan Wahabisme tersebut yang mengandungi unsu-unsur seperti tasyaddud, jumud dan sebagainya yang menjuruskan kepada perpecahan dalam umat Islam. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, penggunaan istilah Wahabi bukanlah semata-mata merujuk kepada seseorang, tetapi penggunaannya lebih luas dari itu. Wahabi menurut mereka yang menentangnya adalah merujuk kepada suatu golongan yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga ciri tersebut yang mampu menghancurkan kesatuan umat Islam iaitu:

- Tasyaddud (terlalu keras) dalam menghukum, dengan bersikap mudah membid’ahkan sesuatu perkara ijtihadi dalam urusan Islam, sehingga membawa kepada takfir (mengkafirkan sesama Islam) secara sewenang-wenangnya.

- Jumud (statik) dan sempit dalam kaedah menggali hukum, sehingga membuat suatu kaedah hukum yang amat sempit iaitu, “apa yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w., maka ia adalah hujah kepada haramnya, atau bid’ahnya perkara tersebut” sedangkan kaedah tersebut menyempitkan mafhum[1] ijtihad dalam masalah istinbat[2] hukum.

- Taasub (fanatik) kepada sesuatu aliran pemikiran atau metodologi pemikiran, sehingga membawa kepada sikap menyalahkan mereka yang tidak sependapat dengan mereka, sehingga ada yang sampai menyesatkan mereka yang tidak sependapat dengannya, hatta dalam masalah ijtiyah fiqhiyah [3] yang merupakan ruang khilaf (perselisihan) pendapat di kalangan para ulama, zaman berzaman.

Tiga sikap ini merupakan sikap-sikap yang menyebabkan umat Islam berpecah-belah, kerana menafikan adab ikhtilaf (adab berselisih pendapat) sehingga menyebabkan umat Islam saling kafir-mengkafirkan antara satu sama lain. Sikap-sikap inilah yang ditentang oleh golongan yang dikatakan “penentang-Wahabi” (anti-Wahabi), yang mana, sikap-sikap tersebut wujud dalam kebanyakan mereka yang mengaku Salafi dan Wahabi khususnya di tanah Hijaz dan sebagainya.

Adapun mereka yang mengaku memperjuangkan manhaj salafus soleh atau mendakwa salafi, namun tidak bersikap dengan tiga sikap yang disebutkan, maka mereka bukanlah sasaran penentangan anti-Wahabi, bahkan, pada hakikatnya, golongan anti-Wahabi tersebut juga adalah pendokong manhaj salafus soleh, cuma tidaklah mendakwa diri mereka sebagai salafi, kerana bagi mereka, tiada ertinya menisbahkan diri mereka dengan nama salafi, kerana hakikatnya, salafi bukanlah suatu nama yang merujuk kepada suatu bentuk pemikiran atau suatu mazhab, namun ianya sekadar merujuk kepada tempoh zaman yang pernah dilalui oleh umat Islam (iaitu tiga kurun awal tahun hijrah dalam umat Islam).

#### **Gambaran Kedua:**

Tidak dapat dinafikan, ada di kalangan golongan penuntut ilmu, yang masih belum matang dalam dunia keilmuan Islam, cepat terpegun dengan sesuatu manhaj pemikiran yang baru didapatinya. Lantas, kononnya sebagai suatu anjakan paradigma, mereka segera berpegang dengan kaedah pemikiran tersebut, dek sikap tergopoh-gopoh dalam menilai sesuatu.

Antara manhaj pemikiran baru yang menarik minat sesetengah golongan penuntut ilmu yang belum matang tersebut ialah, pemikiran Wahabi yang dibincangkan sebelum ini. Ini kerana, Wahabisme (dari sudut istilah akademik) seolah-olah nampak sebagai suatu pemikiran yang membawa kepada tajdid[4] dan islah[5] mentaliti masyarakat Islam umumnya, di samping mengembalikan kemurnian aqidah umat Islam (yang kononnya sebelum ini sudah tersasar dari kefahaman aqidah Islam yang sebenar).

Pada persepsi mereka, Wahabisme membawa kepada:

- Kesatuan Pemikiran: kerana menolak perselisihan pendapat dalam bidang agama Islam.
- Pemurnian Aqidah: kerana menolak ajaran-ajaran yang dianggap membawa kepada syirik (walaupun pada hakikatnya, ajaran-ajaran tersebut memang ada dalam Islam dan tidak membawa kepada syirik).
- Tajdid (pembaharuan) Umat Islam: kerana ia menegah taqlid[6] dan menggalakkan ijtihad, yang kononnya membuka minda masyarakat umat Islam.

Persepsi-persepsi mereka sebenarnya salah kerana, Wahabisme bukanlah membawa ketiga-tiga tersebut, tetapi membawa ketiga-tiga unsur yang telah diperkatakan sebelum ini (Tasyaddud, Jumud dan Taasub), yang disembunyikan di sebalik tiga slogan zahir yang terdapat pada persepsi mereka tersebut iaitu: Tauhidul Fikrah (Kesatuan Pemikiran), Pemurnian Aqidah dan Tajdid.

Golongan penuntut yang terkeliru, boleh jadi terkeliru kerana kegagalan mereka memahami bahawa, Islam ini dirosakkan oleh dua perkara iaitu: berlebih-lebihan dalam melakukan sesuatu sehingga akhirnya merosakkannya dan berlebih-lebihan dalam menolak sesuatu sehingga akhirnya merugikan diri sendiri. Jalan tajdid bukanlah dengan berlebih-lebihan, tetapi dengan mengembalikan umat Islam kepada kesederhanaan (I'tidal) dan pertengahan (wasathiyah), yang merupakan sifat semulajadi (fitrah) umat Islam, khususnya dari sudut ajarannya.

Apabila kita meletakkan Wahabisme (dengan makna penggunaan istilahnya yang meluas), dalam neraca I'tidal (kesederhanaan dan pertengahan) Islam, kita dapati bahawa, ianya bukanlah suatu pola pemikiran yang sederhana, yang diperlukan untuk tajdid (pembaikan umat Islam), tetapi lebih membawa kepada tafsid (memusnahkan umat Islam).

Jika kita menyelami slogan pertama Wahabisme, yang menyeru kepada kesatuan pemikiran, kita bersetuju bahawa, umat Islam harus bersatu, tetapi adakah kesatuan pemikiran dalam segenap aspek merupakan suatu agenda praktikal?

Kita dapati, dalam sumber syariat Islam sendiripun (Al-Qur'an dan As-Sunnah), terdapat dua bahagian iaitu, qot'ie (jelas atau putus) dan zhonni (kesamaran atau tidak jelas).

Adapun Qot'ie terbahagi kepada dua iaitu:

Qot'ie At-Thubut: Sesuatu dalil yang jelas dan putus bahawa ianya dari Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w. seperti Al-Qur'an dan Hadis Mutawatir.

Qot'ie Ad-Dilalah: Sesuatu dalil yang jelas dan putus makna nash (lafaz wahyu) tersebut kerana ianya tidak berkemungkinan membawa kepada makna-makna lain dalam kaedah bahasa arab dan sebagainya.

Begitu juga tentang Dzonni, di mana ia turut terbahagi kepada dua iaitu:

Dzonni At-Thubut: Kesamaran dalam menisbahkan sesuatu dalil atau nash tersebut kepada Allah s.w.t. dan Rasul-Nya s.a.w. seperti Hadis Ahad (perawinya tidak melebihi tiga orang dalam satu masa).

Dzonni Ad-Dilalah: Kesamaran makna sesuatu ayat atau lafaz zahir nash tersebut, menurut kaedah bahasa Arab dan sebagainya.

Sesetengah paara ulama' menjelaskan bahawa, 70% daripada sumber hukum Islam bersifat dzonni (tidak jelas). Oleh yang demikian, para ulama' berselisih pendapat dalam menggali hukum dari sumber-sumber hukum tersebut, kerana kesamarannya.

Oleh yang demikian, kaedah usul fiqh (asas menggali hukum fiqh) menjelaskan bahawa, dalam menistinbath (menggali) hukum melalui dalil-dalil yang zhonni (yang merupakan 70% daripada Al-Qur'an dan As-Sunnah), maka dibolehkan berijtihad bagi ahli ijtihad yang sudah cukup dalam ilmu alat untuk berijtihad.

Jadi, ada banyak sebab mengapa para ulama' berselisih pendapat dalam masalah zhonni, antaranya kerana perbezaan kaedah pemikiran mereka sendiri, antara satu sama lain. Oleh yang demikian, perselisihan pendapat memang tidak dapat dielakkan terutamanya dalam masalah fiqh yang furu' yang berkaitan dengan dalil-dalil zhonni. Jadi, untuk menyatukan pemikiran dan mazhab dalam seluruh urusan agama tidak praktikal, bahkan sikap berlebihan dalam memaksa umat Islam bersatu dalam satu-satu pendapat dan mazhab lebih mengundang kepada bencana yang lebih besar iaitu: taasub (fanatik) dan saling menyalahkan antara satu sama lain.

Dalam berhadapan dengan realiti perselisihan pendapat yang berlaku dalam umat Islam, bukan dengan cara memaksa mereka bersatu dalam pemikiran (yang merupakan agenda tidak praktikal), tetapi menerapkan nilai-nilai adab ikhtilaf[7] (adab dan tatakarma dalam perselisihan pendapat), iaitu menghormati pendapat orang lain, dan tidak mengingkari golongan yang tidak sependapat dengan kita, dalam masalah khilaf (yang diperselisih ulama' mengenainya), selagimana ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip usul Islam yang murni, sepertimana yang sangat ditekankan oleh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi sendiri (yang menjadi ulama' kesayangan sesetengah golongan yang mengaku salafi di Malaysia, padahal beliau sendiri menafikan diri sebagai salafi).

Adapun slogan kedua, tentang pemurnian aqidah yang dikatakan, cuba dilakukan oleh mereka yang mendokong gagasan pemikiran Wahabisme, maka ianya perlu dinilai semula.

Niat yang baik untuk memurnikan aqidah umat Islam adalah suatu perkara yang dituntut dalam Islam. Tidak dapat dinafikan, ada "segelintir" dari masyarakat Islam yang tergelincir dari aqidah Islam yang murni, seperti memuja jin, di samping meminta tolong dari mereka dengan cara sihir, dan sebagainya, maka ianya perlu dibersihkan, kerana ilmu-ilmu kebomohan itu sendiri dilarang oleh Islam kerana akan membawa kepada syirik.

Adapun golongan Wahabi (kebanyakannya), bukan sekadar menolak perkara-perkara yang bertentangan dengan syariat, tetapi menolak perkara-perkara yang mempunyai dasarnya dalam Islam, yang mana ianya, sekurang-kurangnya merupakan perkara-perkara yang khilafiyah (yang diperselisih ulama' mengenainya), atas nama pemurnian aqidah.

Ada yang sanggup mengharamkan ziarah kubur "para wali", mengharamkan tawassul, mengharamkan maulid Nabi s.a.w., bahkan ada yang sampai menghukum kafir dan syirik bagi pelaku-pelaku perkara-perkara tersebut. Ada di kalangan mereka yang mengkafirkan dan memfasiqkan mereka yang mengerjakan solat di masjid yang berhampiran dengan kubur, menuduh orang yang bertawassul



dengan si mati sebagai penyembah kubur, menuduh orang yang menyambut maulid Nabi s.a.w., mengangkat Nabi s.a.w. sepertimana orang-orang Nasrani, takkala menyembah Nabi Isa a.s. dan sebagainya. Kalau di Malaysia tidak kelihatan sikap tuduh-menuduh ini, menurut anda, tetapi di negara-negara arab khususnya Arab Saudi, ianya merupakan suatu perkara yang hebat diketengahkan oleh pengaku-pengaku Salafi (baca: Wahabi, menurut penentang mereka).

Fenomena ini bukan sahaja merupakan suatu usaha mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah s.w.t. seperti ziarah kubur, atau bukan sahaja bersikap tasyaddud (keras) dan jumud dalam masalah yang perselisihan pendapat mengenainya dalam medan ilmiah, seperti masalah tawassul, tetapi ianya sudah membawa kepada saling tuduh-menuduh dan mengkafirkan umat Islam yang tidak sehaluan dengan mereka.

Ketahuiilah wahai penuntut ilmu yang terpegun dengan Wahabi dan Wahabisme, atau golongan salafi moden ini bahawa, agenda mereka lebih menjurus kepada kerosakan syakhsyah [8] umat Islam dari memurnikan aqidah mereka.

Contohnya, semata-mata kerana “Su’uk Az-Zhon” (buruk sangka) terhadap penziarah kubur dari kalangan umat Islam, dengan menyangka mereka menyembah kubur takkala memuliakan si mati, ada di kalangan mereka (Wahabi) sanggup mengharamkan suatu ajaran yang mempunyai sandaran dalam Islam seperti ziarah kubur, khususnya para wali, dengan alasan untuk mencegah syirik. Adakah dari prasangka, boleh menghukum seseorang itu syirik? Adakah matlamat menghalalkan cara? Adakah kaedah sad ‘az-zaro’ik (mencegah mudarat) dalam masalah ini relevan takkala kaedah persepsi mereka dalam melihat kemudaratan itu cuma dari prasangka?

Kata mufti Mesir, Sheikh Dr. Ali Jum’ah: “kalau ada segelintir orang yang sembah kubur, bukan syariat ziarah kubur itu menjadi masalahnya. Masalahnya pada kefahaman orang tersebut. Kalau dia memang menyembah si mati, kubur tidak ada pun, dia akan sembah si mati, seperti orang Nasrani. Jadi, yang perlu dibetulkan ialah aqidah umat Islam, dalam proses pembelajaran dan tarbiah, bukan mengharamkan ziarah kubur dan sebagainya. Logikkah takkala seseorang muslim yang bertawaf di ka’abah, dia menyangka bahawa, ka’abah itulah tuhan, tindakan yang perlu diambil ialah memusnahkan ka’abah tersebut Atau, menjelaskan kepada orang tersebut, siapakah Tuhan sebenar? Jadi, penyelesaian di sini, juga penyelesaian untuk masalah sebelum ini (ziarah kubur)...”

Oleh itu, agenda mengetengahkan konsep menutup pintu syirik dengan mengharamkan perkara-perkara yang ada sandarannya dalam Islam, seperti tawassul, ziarah kubur (hatta kubur para wali) dan

sebagainya, merupakan suatu perkara yang membawa kepada pecah belah dan buruk sangka sesama Islam. Selagimana perkara-perkara tersebut diperselisihkan oleh para ulama' dan yang mendokongnya mempunyai dalil dari sumber Islam, maka tidak boleh mengingkarinya, apatah lagi mengkafirkan pelakunya dan membid'ahkannya.

Adapun slogan zahir ketiga dalam gagasan Wahabisme, ialah tajdid umat Islam, dengan kedua-dua agenda sebelum ini, maka jelaslah ianya tidak praktikal. Kedua-dua agenda yang dilakukan oleh golongan Wahabi atau pengaku salafi moden (dalam terminologi yang kita maksudkan sebelum ini), bukan membawa kepada pemurnian dan pembaharuan umat Islam, tetapi secara praktikalnya, ia membawa kepada kemelut perpecahan yang amat bahaya bagi umat Islam iaitu, perpecahan, saling kafir-mengkafirkan dan saling bid'ah membid'ahkan.

Adapun agenda untuk menggalakkan semua masyarakat berijtihad khususnya dalam masalah fiqh islami, merupakan suatu perkara yang amat menyulitkan masyarakat dan membahayakan mereka.

Ia menyulitkan kerana, untuk berijtihad, seseorang perlu menguasai pelbagai bidang ilmu termasuklah ilmu bahasa Arab, ilmu usu; fiqh, menghafal Al-Qur'an dan hadis dan sebagainya, yang merupakan suatu bebanan buat sesetengah masyarakat awa. Bahkan, sejak zaman para sahabat lagi, ada di kalangan mereka yang berijtihad dan ada di kalangan mereka yang bertaklid, seperti yang dijelaskan oleh Dr. Al-Buti dalam bukunya Al-LaMazhabiyah (Golongan yang Tiada Mazhab).

Oleh itu, mengharamkan taqlid kepada para imam mujtahid yang empat nan muktabar seperti Imam Abu Hanifah, Al-Maliki, As-Syafi'e, Ahmad bin Hambal r.a., merupakan suatu bebanan dan bahkan merosakkan institusi fiqh islami itu sendiri. Ia membebankan kerana bukan semua orang muslim boleh berijtihad kerana tidak mampu menguasai pelbagai bidang ilmu alat untuk berijtihad, di samping merosakkan syariat itu sendiri, kerana orang-orang awam yang tidak ada kepakaran berijtihad, akan lebih mengukur syariat tersebut sesuai dengan hawa nafsu mereka.

Oleh yang demikian, ketiga-tiga agenda Wahabi yang utama tersebut merupakan penjurus kepada kepincangan dan perpecahan dalam umat Islam kerana ketiga-tiga ciri pemusnah yang terkandung dalam pola dan metodologi pemikiran mereka iaitu:

-Ta'asub (fanatik puak sendiri)

- Jumud (statik dan tertutup)
- Tasyaddud (berlebih-lebihan dan bersikap keras)

### **Gambaran ketiga:**

Istilah Wahabi itu sendiri suatu yang abstrak. Oleh yang demikian, sesetengah golongan ilmuan yang terperangkap dengan kesempitan makna istilah Wahabi dari sudut akademik, akan lalai daripada memahami makna istilah Wahabi yang digunakan oleh golongan penentang Wahabisme.

Seperti yang dijelaskan dalam gambaran pertama sebelum ini, majoriti golongan yang menentang Wahabi bukan kerana namanya Wahabi, atau mereka dinisbahkan kepada Sheikh Muhammad Abdul Wahab, atau kerana mereka mengaku Salafi, dan sebagainya, tetapi ianya lebih merujuk kepada tiga sikap yang merosakkan, yang disebutkan sebelum ini, yang dibawa dalam arus pemikiran kebanyakan golongan yang mengaku pendokong Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab (Wahabi) mahupun yang mengaku sebagai salafi.

Golongan yang terkeliru ini kadangkala sering meremehkan penentang-penentang Wahabi kerana pada mereka, golongan Wahabi tidak lain melainkan suatu mazhab dalam Islam juga. Bahkan, lebih dari itu, ada golongan yang kagum dengan kesungguhan dirinya dalam melakukan penyelidikan ilmiah, seolah-olah merasakan diri mereka sudah cukup memahami kebenaran dengan penyelidikan yang banyak, tidak senang dengan penentang-penentang Wahabi dan menuduh penentang-penentang Wahabi berburuk sangka dengan pendokong-pendokong Sheikh Muhammad Abdul Wahab dan berburuk sangka terhadap Sheikh Muhammad Abdul Wahab itu sendiri.

Oleh itu, mereka tampil membela Wahabi, dan Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab, dengan bercakap tentang fakta-fakta yang tersurat, dan menjelaskan siapakah Wahabi sebenarnya kepada penentang-penentang Wahabi, seolah-olah golongan yang menentang Wahabi tersebut tidak mengenali siapakah Wahabi yang mereka tentangi selama ini.

Ada di kalangan mereka yang mengetengahkan kebaikan-kebaikan Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab, dan kelayakkannya untuk bergelar mujaddid di zamannya, bagi menolak penentang-penentang Wahabi yang seolah-olah menentang suatu manusia yang sempurna, tiada kesilapan langsung.

Golongan ini, mencelah antara pertembungan anti-Wahabi dengan “Wahabi” seolah-olah ingin menjadi pendamai antara keduanya, padahal lebih mengelirukan mereka yang sedang keliru, termasuk diri mereka sendiri.

Bukankah dalam gambaran pertama tadi, kita sudah jelaskan, penentangan-penentangan mereka yang mengaku menentang Wahabi, sasaran mereka adalah “Wahabi” dalam istilah kefahaman mereka, iaitu mereka yang mendokong tiga sikap merosakkan masyarakat tersebut, yang mana mereka mengaku salafi atau wahabi dalam menyebarkan agenda mereka dan mempraktikkannya dalam masyarakat Islam.

Hakikatnya, penentangan terhadap golongan Wahabi tidak akan terhenti selagi mereka tidak meninggalkan tiga sikap yang memecahkan umat tersebut.

Adapun semata-mata menisbahkan diri kepada salaf, atau menisbahkan diri kepada Sheikh Muhammad Abdul Wahab, bukanlah sasaran mereka yang mengaku menentang Wahabi selagi mereka tidak bersikap dengan tiga sikap berkenaan, yang menjadi sikap kebanyakan yang mengaku pengikut Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab dan pengaku salafi di era moden ini.

Tetapi, timbul persoalan, kenapa mereka yang menisbahkan diri kepada Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab seolah-olah terbahagi kepada dua, ada yang bersikap dengan tiga sikap pemusnah umat Islam tersebut, dan ada yang tidak bersikap dengan tiga sikap tersebut?

---

[1] Mafhum: Kefahaman tentang sesuatu

[2] Istinbat: Pengalian atau pengeluaran hokum dari sumber-sumber Islam, seperti Al-Qur'an, As-Sunnah, Ijmak, Qiyas dan sebagainya.

[3] Masalah yang mana, para ulama' berijtihad mengenainya.

[4] Tajdid: Pembaharuan

[5] Islah: Pembersihan atau pemurnian dan pembaikpulihan

[6] Taqlid: Mengikut sesuatu Mazhab seseorang ulama' Mujtahid dalam bidang fiqh, aqidah dan sebagainya

[7] Ikhtilaf: Berselisih pendapat

[8] peribadi



## **Siri Penolakan Terhadap Wahabi (3): Mengenai Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab dan Wahabi**

Nov 16, '06 9:52  
PM  
for everyone

Oleh : Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaluddin Al-Razi Al-Azhari

### **Tentang Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab dan Pengikutnya**

Persoalan yang paling utama, adakah Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab memiliki tiga sikap tersebut sehingga menyebabkan para pengikutnya mewarisi tiga sikap pemusnah tersebut darinya?

Kalau benar, mengapa ada yang mengaku Salafi, tidak bersikap dengan tiga sikap pemusnah tersebut?

Ada yang menisbahkan tiga sikap tersebut kepada Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab, berdasarkan fakta-fakta sejarah, seperti karangan Sheikh Zaini Dahlan (Mufti Mekah) dan karangan saudara Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab sendiri, iaitu Sheikh Sulaiman bin Abdul Wahab sendiri menolak beliau kerana benih tiga sikap yang merosak tersebut ada pada beliau (Muhammad Abdul Wahab).

Bahkan, setelah itu, ada juga dari kalangan para ulama' yang membongkar sikap "takfir" Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab seperti dalam buku "da'iyah, wa laisa nabiyan" dan lain-lain.

Namun, ada juga yang menolak dakwaan bahawa, sikap taasub dan takfir tersebut dari Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab, terutamanya dari kalangan pembelanya yang tidak terjebak dengan tiga sikap pemusnah tersebut (sebahagian kecil dari pengaku Wahabi), dan cuba membersihkan Sheikh Muhammad Abdul Wahab dari sikap tersebut..

Ada juga dari kalangan ulama' pertengahan yang tidak terlibat dengan Wahabi, turut membela Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab dari pertuduhan tersebut, antaranya Sheikh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi dan Sheikh Al-Allamah Sayyid Muhammad 'Alawi Al-Maliki r.a. dalam banyak-banyak karangan mereka.

## **Siri Penolakan Terhadap Wahabi (4): Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab dan Takfir?**



Oleh : Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaluddin Al-Razi Al-Azhari

Nov 16, '06 9:50  
PM  
for everyone

### **Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab dan Takfir (Pengkafiran Sesama Islam)**

Namun, menurut Sheikh Hasan bin Farhan Al-Maliki dalam buku beliau “da’iyah wa laisa nabiyan” (Seorang Pendakwah, bukan Seorang Nabi), Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab sememangnya terlibat dalam gejala mengkafirkan kebanyakan orang-orang Islam khususnya di zamannya, termasuklah para ulama’ sezaman dengannya.

Antara buku beliau (Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab) yang memuatkan pengkafiran beliau terhadap kebanyakan muslim pada zamannya ialah buku Kasyfu As-Syubhat (Menyingkap Syubhat-syubhat). Dalam buku tersebut memuatkan perkataan-perkataan berbentuk pengkafiran terhadap sesama muslim secara sewenang-wenangnya, samada secara jelas mahupun secara kiasan.

Oleh yang demikian, sikap takfir (sewenang-wenangnya mengkafirkan) sesama muslim yang dibawa oleh Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab turut diwarisi oleh para pengikut dan pembelanya, sehingga membawa kepada taasub, perpecahan sesama Islam dan sehinggalah ada yang sanggup membunuh sesama muslim kerana takfir tersebut.

Oleh yang demikian, kebanyakan daripada mereka yang mengaku pengikut pemikiran Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab (iaitu Wahabi), sewenang-wenangnya menghukum golongan yang tidak sehaluan dengan mereka sebagai fasiq, pembuat bid’ah dan ada yang sampai mengkafirkan mereka.

Sikap ta’asub, jumud dan tasyaddud (bersikap keras dalam menolak pihak yang tidak bersetuju dengannya), merupakan hasil semaian dari sikap induknya iaitu, takfir. Pada situasi yang terdesak, golongan tersebut menyembunyikan agenda takfir sesama Islam dalam pelbagai praktik, seperti membid’ahkan mereka yang tidak sama dengan pendapat golongan tersebut, dan mengingkari perkara-perkara khilafiyah atas nama “kebenaran mutlak”, seolah-olah, merekalah yang mengetahui kebenaran dalam masalah khilafiyah, takkala para ulama’ saling berselisih pendapat mengenainya, dan membatalkan hak ijtihad mereka yang tidak selari dengan pendapat golongan tersebut.

Adapun golongan yang sibuk membela Wahabi kerana terpengaruh dengan mereka, dan kalau tidak membela Wahabi sekalipun, namun tetap bersikap dengan sikap Wahabi (ta'asub, jumud dan tasyaddud yang melampaui batas), dan berfahaman seperti fahaman Wahabi (dengan sewenang-wenangnya membid'ahkan perkara-perkara khilafiyah dan bermati-matian menyalahkan mereka yang tidak sehaluan dengannya), namun tidak mengaku Wahabi, sesungguhnya ketahuilah, mereka mengaku atau tidak, kalau anda berfikir seperti fikiran Wahabi, mereka termasuk dalam sasaran penentangan golongan yang menentang Wahabi, kerana mereka menolak Wahabi bukan kerana nama, tetapi kerana bahaya pemikiran yang dibawa oleh mereka (golongan Wahabi).

Persoalannya, bagaimana tentang segolongan manusia yang mengaku Salafi, tetapi tidak mengaku Wahabi, kerana mereka menganggap diri mereka mengikut salaf, sedangkan selain dari mereka (yang bukan salafi), tidak mengikut manhaj salafus soleh?

Mereka mengaku sebagai pembawa atau pembela manhaj salafus soleh, dan turut bersetuju dengan golongan Wahabi dalam pendirian mereka untuk memperjuangkan manhaj salaf di zaman ini, namun tidak bersetuju dengan sikap sesetengah Wahabi yang terjebak dengan sikap ta'asub, jumud dan melampaui batas sehingga sampai tahap mengkafirkan sesama Islam sewenang-wenangnya.

Kalau mereka merasakan diri mereka sedemikian, ketahuilah bahawa, mereka terkeliru.

Selain dari Salafi Wahabi, yang tidak terjebak dalam kencana takfir, tidak perlu melaungkan slogan "kami Salafi bukan Wahabi", sebagai tanda bahawa dia membawa suatu gelombang baru dalam dunia Islam, yang bukan Wahabi dan bukan pula penentang Wahabi. Mereka adalah Salafi.

Kekeliruan utama mereka adalah, pada istilah salafi itu sendiri. Salaf, seperti kata-kata Dr. Al-Buti dalam bukunya As-Salafiyah, bukanlah merujuk kepada suatu corak pemikiran atau mazhab, tetapi ia merujuk kepada suatu tempoh atau peringkat masa yang pernah dilalui oleh umat Islam, iaitu tiga kurun pertama hijrah.

Jadi, seseorang yang mengaku salafi pada hari ini, bererti, tidak memahami penggunaan kata Salafi itu sendiri, dalam perbendaharaan kata ilmuan Islam, kerana kata tersebut merujuk kepada tempoh masa sesuatu zaman, bukan merujuk kepada metodologi pemikiran.



Kalaulah mereka yang mengaku Salafi pada hari ini, dengan makna, sebagai pembela manhaj salafus soleh, maka apa bezanya dengan golongan yang tidak mengaku salafi pada zaman ini, sedangkan mereka juga berpegang dengan Al-Qur'an dan As-Sunnah yang sama seperti Al-Qur'an dan As-Sunnah yang dipegangi oleh para salafus soleh?

Dr. Al-Buti pernah menjawab persoalan ini dengan suatu persoalan yang lain iaitu: "Bagaimana saya ingin menjadi salafi pada hari ini?"

Beliau seterusnya menjawab, ada dua jawapan untuk persoalan tersebut, tetapi kedua-duanya adalah tidak masuk akal.

Pertama: Mengikuti gaya hidup, adab resam, cara pemakaian dan cara hidup yang sama dengan cara hidup golongan salafus soleh, dari sudut tempat tinggalnya, pemakaiannya dan sebagainya, dan ini suatu yang tidak diterima akal.

Ini kerana, mereka dahulu hidup tanpa teknologi yang dinikmati oleh kita hari ini. Takkan kita perlu menghindari kemajuan teknologi yang sedia ada, untuk kembali hidup dengan gaya dan cara hidup golongan salafus soleh dahulu kala, yang menjadikan unta dan kuda sebagai tunggangan dan sebagainya? Jadi, ini bercanggah dengan prinsip-prinsip kemasyarakatan dalam Islam sendiri, yang menggalakkan kemajuan sesuatu masyarakat dalam bidang keduniaan juga.

Kedua: Mengikuti metodologi ilmiah yang disusun oleh golongan salafus soleh, dan menghadkan kaedah berijtihad dengan lakaran ilmiah yang telah digunakan oleh mereka tanpa boleh mengembangkannya.

Hal ini juga tertolak dengan beberapa aspek iaitu, golongan salafus soleh tidak pernah melakarkan kepada kita suatu metodologi penggalan hukum yang tetap, jelas dan statik untuk kita pada hari ini. Bahkan di zaman mereka juga, metodologi penggalan hukum dan kaedah berijtihad berkembang dan terus berkembang tanpa sebarang larangan oleh mereka sendiri, selagi ia didasarkan oleh Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Aspek yang kedua ialah, keutuhan syariat Islam itu sendiri, yang bersifat fleksibel dan sesuai untuk sepanjang zaman, dengan metodologi penggalan hukum (usul fiqh, qowa'id fiqhiyah dan sebagainya) yang fleksibel, yang membolehkan manhaj ilmiah dalam berijtihad terus berkembang sejajar dengan prinsip-prinsip asas agama Islam.

Kalau ijtihad kita hanya perlu terhad kepada ijtihad salafus soleh, dan manhaj ilmiah kita terus terhad dengan manhaj ilmiah mereka yang terdahulu, tanpa dibenarkan untuk dikembangkan, maka bagaimana hukum Islam dapat berperanan terhadap perkara-perkara baru yang timbul dari peredaran cara hidup dan kemajuan hidup manusia pada hari ini. Kalau ijtihad kita hanya terhad kepada ijtihad golongan salaf, bagaimana kita mampu menggali hukum mengenai bayi tabung uji, pengklonan, dan sebagainya yang belum lagi pernah dibincangkan oleh salafus soleh pada zaman mereka? Oleh itu, perkembangan manhaj berfikir ilmiah umat Islam, dan metodologi penggalan hukum akan terus berkembang sejajar dengan perkembangan zaman, dan inilah antara ciri-ciri kefleksibilitan Islam yang sesuai sepanjang zaman.

Berdasarkan keterangan tadi, jelaslah bahawa, salaf hanya merujuk kepada suatu zaman dalam umat Islam, iaitu tiga kurun pertama hijriyah, bukan merujuk kepada suatu pola pemikiran, kerana pada zaman salafus soleh juga, tiada suatu pola pemikiran yang tersusun, yang boleh dikatakan sebagai suatu simbol corak pemikiran. Sila rujuk buku "As-Salafiyah" karangan Dr. Muhammad Ramdhan Al-Buti untuk penerangan yang lebih jelas.

Adapun mereka yang mengaku salafi, semata-mata kerana mereka mengaku memperjuangkan manhaj salafus soleh, samada dari sudut aqidah mereka dan sebagainya, maka merek sebenarnya terkeliru.

Ini kerana, aqidah orang-orang Islam zaman salafus soleh, sama juga dengan aqidah orang-orang Islam di zaman ini, dan kedua-dua golongan menyembah Allah s.w.t. yang Maha Esa. Kalau mereka mengatakan bahawa, golongan khalaf (golongan selepas salaf sehingga hari ini) mentakwil[1] dalam masalah ayat-ayat mutasyabihat, maka golongan salaf juga, ada yang mentakwil ayat-ayat mutasyabihat seperti Imam Ahmad, Imam Al-Bukhari dan sebagainya (rujuk buku Fusulun fil Aqidah, karangan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi).

Syariat Islam yang kita amalkan juga merupakan syariat Islam yang diamalkan oleh para salafus soleh, kerana golongan khalaf juga menggali ilmu syariat mereka dari sumber-sumber ilmiah para salaf, yang lebih dikenali dengan istilah taqlid. Kalau golongan khalaf dikatakan berbeza dengan salaf kerana mereka bermazhab dan bertaqlid, sejak dari zaman sahabat lagi, ada golongan yang berijtihad

dan ada golongan yang bertaqlid, kerana bukan semua orang hatta di zaman salaf, mampu berjihad dan menggali hukum dengan sendiri (rujuk buku Al-LaMazhabiyah karangan Dr. Al-Buti).

Jadi, golongan yang cuba “kononnya” untuk kelihatan berbeza dengan majoriti umat Islam yang dikenali dengan khalaf (hanya merujuk kepada istilah zaman semata-mata), dengan mengaku sebagai salafi, tidak pernah membezakan mereka (golongan yang mengaku salafi) dan golongan yang tidak mengaku salafi. Sekurang-kurangnya, majoriti umat Islam yang tidak mengaku salafi, bermazhab dengan mazhab salah seorang Imam dari kalangan salafus soleh seperti As-Syafi’e, Al-Maliki dan sebagainya.

Jadi, golongan yang mengaku salaf sebenarnya adalah golongan Wahabi yang mengkafirkan selain daripada mereka, kerana ingin membezakan mereka dengan selain dari mereka. Jadi, setelah membid’ahkan, menyesatkan, dan ada yang sampai mengkafirkan majoriti umat Islam yang tidak sehaluan dengan kefahaman mereka, maka mereka memerlukan suatu nama untuk berteduh dari kepinggiran mereka dari selain mereka, maka mereka menggunakan nama salaf untuk tujuan tersebut. Ini dalam masa yang sama, merupakan pengkhianatan yang besar dari sudut ilmiah kerana menisbahkan takfir, taasub dan jumud yang mereka bawa kepada golongan salafus soleh yang tidak sekalipun bersikap dengan sikap mereka.

Jadi, golongan yang mengaku salafi tetapi tidak mengaku Wahabi (pengikut Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab), samada mereka keliru dengan istilah salafi itu sendiri, atau mereka sememangnya Wahabi yang bersembunyi di sebalik istilah Salafi.

---

[1] Memberi makna lain terhadap sesuatu lafaz, bersesuaian dengan kaedah “kiasan” dalam Bahasa Arab dan sebagainya

## **Siri Penolakan Terhadap Wahabi (5): Wahabi Ditentang Kerana Membawa Perpecahan**



Oleh : Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaluddin Al-Razi Al-Azhari

Nov 16, '06 9:49  
PM  
for everyone

### **Wahabi Ditentang Kerana Membawa Perpecahan**

Golongan Wahabi ditentang hebat oleh majoriti para ulama' Islam samada secara terang-terangan atau secara kiasan, kerana tiga sikap pemusnah umat mereka yang utama, iaitu, ta'asub, jumud dan tasyaddud yang membawa kepada takfir sesama Islam sewenang-wenangnya.

Ada tiga jenis golongan yang menentang Wahabi, yang mana dua daripadanya tidak tepat, kerana berlebih-lebihan dalam menentang Wahabi, sedangkan yang ketiga pula adalah golongan yang benar dalam mempertahankan kedaulatan dan kemurnian Islam dari pencemaran Wahabi.

Pertama, golongan yang mengkafirkan Wahabi secara mutlak, kerana menuduh mereka bersekongkol dengan para kuffar untuk menjatuhkan umat Islam dan sebagainya. Golongan yang mengkafirkan Wahabi dengan alasan yang tidak berasas ini, melakukan kesilapan kerana menentang golongan ghulu (pelampau/ iaitu Wahabi) dengan ghulu (keterlampauan) juga, sedangkan Islam menyeru umatnya mengajak kepada kebenaran dengan hikmah.

Kedua, golongan yang membid'ahkan golongan Wahabi, sehingga sanggup menafikan kebaikan-kebaikan yang dibawa oleh Wahabi, kerana sikap Wahabi yang sewenang-wenangnya mengkafirkan umat Islam. Penentangan cara ini merupakan suatu sikap yang tidak adil kerana, kita perlu juga mengakui kebaikan-kebaikan yang pernah dilakukan oleh golongan yang bercanggah dan menentang kita, walau sebesarmana kesalahan mereka, tidak boleh menafikan kebaikan mereka.

Ketiga, golongan yang bersikap sederhana dalam menolak fahaman Wahabi, kerana ingin menyelamatkan umat Islam dari bahana perpecahan dan saling kafir mengkafirkan antara sesama muslim. Golongan ini merupakan golongan yang bersikap adil dalam mengkritik dan menolak fahaman Wahabi, kerana tujuan mereka bukanlah untuk menjatuhkan mana-mana pihak, tetapi sekadar menegur kesalahan orang yang bersalah.

### **Antara Ulama'-ulama' yang Menentang Golongan Wahabi**

1) Sheikh Sulaiman bin Ahmad Al-Hanbali (1130-1181H). Beliau merupakan seorang ulama' fiqh yang alim dalam mazhab Hanbali. Beliau turut dikafirkan oleh Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab.

- 2) Sheikh Sulaiman bin Abdul Wahab (1208 H), saudara kandung Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab, seibu dan sebapa. Beliau dikatakan lebih alim berbanding Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab sendiri. Beliau merupakan antara penentang kuat saudaranya Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab, terutamanya kerana sikap takfir Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab. Di sisi Wahabi, beliau merupakan seorang kafir yang telah terkeluar dari agamanya.
- 3) Sheikh Muhammad bin Abdul Rahman Al-Hanbali Al-Ahsa'i (1100-1164 H). Beliau juga merupakan seorang ulama' besar di zaman tersebut, dan sangat mahir dalam bidang fiqh dan ilmu falaq, disamping dihormati dalam masyarakat. Beliau juga turut dikafirkan oleh Muhammad bin Abdul Wahab.
- 4) Sheikh Abdullah bin Isa At-Tamimi (1175 H). Beliau merupakan antara ulama' yang besar dari kalangan ahli Najd.
- 5) Sheikh Abdullah bin Ahmad (1175 H), seorang faqih mazhab Hanbali.
- 6) Sheikh Abdullah bin Abdul Latif Al-Ahsa'i. Beliau merupakan antara guru Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab, dan seterusnya merupakan antara mereka yang paling kuat menentang Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab.
- 7) Sheikh Muhammad bin Abdullah Al-Ahsa'i (1216 H), juga merupakan seorang faqih Hanbali. Beliau juga turut dikafirkan oleh Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab.
- 8) Sheikh Muhammad bin Ali (1246 H)
- 9) Sheikh Uthman bin Mansur Al-Nasiri (1282 H)
- 10) Sheikh Uthman bin Sanad Al-Basri (1250 H)
- 11) Sheikh Muhammad bin Sulaiman Al-Kurdi (1194 H), seorang mufti mazhab As-Syafi'e. Beliau menentang golongan Wahabi dan menggelar mereka sebagai golongan Al-Khawarij.
- 12) Sheikh Murid bin Ahmad At-Tamimi (1171 H)
- 13) Sheikh Saif bin Ahmad (1189 H)
- 14) Sheikh Soleh bin Abdullah As-So'igh (1183 H)
- 15) Sheikh Ahmad bin Ali Al-Qobbani
- 16) Sheikh Abdullah bin Daud (1225 H)
- 17) Sheikh'Alawi bin Al-Haddad Al-Hadrami (1232 H)

- 18) Sheikh Umar bin Al-Qosim bin Mahbub
- 19) Sheikh Muhammad bin Abdullah Al-Maghribi (1227 H)
- 20) Sheikh Muhammad bin Abdullah bin Hamid (1295 H)
- 21) Sheikh Abdul Aziz bin Abdul Rahman (1179 H)
- 22) Sheikh Hasan bin Umar Ad-Dimasyqi (1174 H)



## Siri Penolakan Terhadap Wahabi (6): Pertuduhan-pertuduhan terhadap Wahabi

Nov 16, '06 9:48 PM  
for everyone

Oleh : Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaluddin Al-Razi Al-Azhari

### **Pertuduhan-pertuduhan keatas Sheikh Muhammad Abdul Wahab dan Wahabi**

- Takfir (Mengkafirkan umat Islam). Inilah suatu pertuduhan yang paling utama ke atas Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab dan para pengikutnya, yang mana ianya juga merupakan suatu yang amat bahaya dalam umat Islam. Pertuduhan ini merupakan suatu pertuduhan yang amat berasas, sehingga para pendokong Salafiyah Wahabiah sendiri tidak mampu menolak pertuduhan tersebut.

Antara para ulama' yang menyanjungi Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab, namun tetap mengakui kesalahan beliau dalam sikap mengkafirkan umat Islam sewenang-wenangnya adalah Sheikh Imam Al-Saukani sendiri. Begitu juga dengan Sheikh Mansur Al-Hazimi dan Muhammad Siddiq Hasan As-Salafi.

Adapun dari kalangan penentang-penentang Wahabi itu sendiri, cukup banyak, menjelaskan tentang sikap takfir sewenang-wenangnya yang dibawa oleh Wahabi. Contohnya, kata Sheikh Ahmad Zaini Dahlan "Mereka tidak beriktihad seseorang itu mentauhidkan Allah s.w.t., melainkan mereka yang mengikuti perkataan mereka (golongan Wahabi tersebut)"[1]

Mungkin, ada di kalangan "pengkaji ilmiah" yang menolak dakwaan tersebut, dengan pelbagai alasan, namun, penolakan dakwaan tersebut hanyalah suatu usaha "menegakkan benang yang basah", kerana ianya sudahpun termaktub dalam lipatan sejarah dengan dakwat yang kekal, biarpun ada di kalangan sumber-sumber sejarah cuba menyembunyikannya. Apa yang penting, bukan apa yang telah berlaku. Apa yang penting, sikap tersebut (pengkafiran sesama Islam atau pembid'ahan sesama muslim sewenang-wenangnya) haruslah ditinggalkan serta-merta, samada anda mengaku salafi, atau tidak, samada anda mengaku wahabi atau tidak.

- Pembunuhan Sesama Islam: Natijah dari sikap mengkafirkan umat Islam yang tidak mengikuti mereka sewenang-wenangnya, golongan Wahabi turut menghalalkan darah mereka yang menolak Wahabi dan seruan mereka. Hal ini telah terbukti dalam lembaran-lembaran sejarah, termasuklah dalam bahan sejarah golongan salafi itu sendiri (rujuk buku sejarah karangan Ibn Ghonam), apatah lagi dalam bahan sejarah selain golongan Wahabi.

- Tajsim dan Tasybih: Walaupun Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab tidaklah sibuk membincangkan masalah sifat-sifat mutasyabihat, kerana sibuk dengan agendanya untuk “memurnikan aqidah umat Islam” (walaupun dengan cara takfir), tetapi kebanyakan dari kalangan golongan salafi setelah beliau, yang mula cenderung terhadap aqidah Ibn Taimiyah dan Ibn Qayyim, lantas menjerumuskan diri mereka ke lembah tasybih dan tajsim.

Hal ini kerana, Sheikh Ibn Taimiyah merupakan antara ulama’ kegemaran Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab. Maka pengikutnya selepas itu terus mengupas fahaman-fahaman Ibn Taimiyah sehinggalah sampai terpengaruh dengan aqidah Ibn Taimiyah yang pernah mengundang kontroversi dalam bidang keilmuan Islam, kerana pegangan beliau (Ibn Taimiyah) yang menjurus kepada menjisimkan Allah s.w.t. dengan makhluk tanpa disedarinya, kerana mengisbatkan zahir perkataan jisim kepada Allah s.w.t. melalui ayat-ayat mutasyabihat[2] tersebut.

Pada hakikatnya, masalah tajsim ini merupakan suatu masalah yang serius, kerana ianya melibatkan suatu aqidah yang salah dan bercanggah dengan ahlus sunnah wal jamaah, yang didokongi oleh kebanyakan para salafi wahabi, kerana terkesan dengan sikap keras Ibn Taimiyah dalam menolak secara mutlak konsep ta’wil dalam ayat mutasyabihat serta menafikan majaz dalam memahami sifat-sifat mutasyabihat tersebut. Sikap menolak ta’wil secara mutlak dengan manafikan adanya majazi dalam wahyu Ilahi s.w.t. merupakan suatu sikap tasyaddud (berlebih-lebihan) dalam masalah aqidah dan menjerumus kepada kecelaruan aqidah yang lebih parah (rujuk buku Fusulun Fil Aqidah karangan Dr. Al-Qaradhwai).

---

[1] Da’awa Al-Munawi’in, Dr. Abdul Aziz bin Abdul Latif, M/S 166

[2] Mutasyabihat: Ayat-yata yang berbentuk kesamaran, yang boleh mengelirukan sesetengah golongan awam, kerana zahirnya membawa makna jisim, sedangkan ianya tidak layak dengan kesempurnaan Allah s.w.t.





Oleh : Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaluddin Al-Razi Al-Azhari

Dewasa ini, ramai pihak sibuk memperbincangkan mengenai suatu agenda yang amat bermakna bagi umat Islam iaitu, agenda Tajdid (pembaharuan). Pelbagai pihak tampil ke hadapan untuk mengetengahkan pelan agenda Tajdid masing-masing, demi mengubah kesuraman umat Islam pada hari ini, di samping mengembalikan mereka kepada ajaran Islam yang sebenar.

Namun, dalam masa yang sama, muncul juga beberapa golongan dari kalangan umat Islam, yang kurang memahami prinsip-prinsip dan asas-asas ajaran Islam, turut sama mengemukakan pelan Tajdid mereka.

Golongan Wahabi merupakan di antara golongan yang turut mengemukakan pelan Tajdid mereka, “dalam usaha untuk memartabatkan semula umat Islam (?)”. Sejak ianya diasaskan oleh pemimpin tertingginya, Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab, ianya (golongan tersebut) terus mengembangkan sayapnya ke serata dunia, demi menjaja “gagasan pemikiran Tajdid Wahabisme”-nya khususnya menerusi badan-badan ilmiah seperti universiti-universiti, kolej-kolej dan sebagainya, dan juga menerusi bahan-bahan ilmiah seperti buku-buku, laman-laman web dan sebagainya.

Sepertimana yang telah kita bincangkan sebelum ini, golongan Salafiah-Wahabiyah, walaupun seolah-olah menegaskan bahawa, mereka ingin melaksanakan tajdid (pembaharuan), tetapi, dengan cuba mengetengahkan unsur-unsur pemusnah yang tiga tersebut (ta’asub, jumud (statik) dan tasyaddud) yang seterusnya membawa kepada menuduh sesama muslim sebagai pelaku bid’ah sewenang-wenangnya, mengkafirkan sesama muslim sewenang-wenangnya, dalam masalah-masalah khilafiyah (yang diperselisihkan ulama’ mengenainya), bukanlah suatu tajdid, tetapi ia merupakan suatu tafsir (agenda merosakkan umat Islam). Ini kerana, memecah-belahkan umat Islam dengan takfir (mengkafirkan sesama Islam) sewenang-wenangnya, ta’asub (fanatik), jumud (statik) dan tasyaddud (bersikap keras) dalam masalah yang ada kelapangan dalam Islam, merupakan suatu agenda merosakkan umat Islam, walaupun ianya dihiasi dengan slogan-slogan tajdid (pembaharuan umat Islam) mahupun islah (pembaikan semula umat Islam).



Oleh : Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaluddin Al-Razi Al-Azhari

Realitinya, apabila kita melihat persekitaran negara kita (Malaysia) yang dicintai, khususnya, kita dapati bahawa, ada di kalangan manusia yang cuba menyemai benih-benih kekeliruan bagi masyarakat awamnya, dan benih-benih perpecahan di kalangan golongan ilmuannya,.

Penyemaian benih-benih tersebut wujud dalam bentuk subjektif, dari sumber-sumber yang abstrak, dan tidak jelas samada ianya merupakan suatu agenda yang tersusun ataupun secara kebetulan, hasil dari ledakan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang keagamaan.

Takkala penulis berhadapan dengan masyarakat awam, timbul dari mereka, pelbagai persoalan yang sepatutnya tidak perlu timbul dari seseorang awam. Persoalan-persoalan seperti: “adakah baca qunut sewaktu solat Subuh ada dalam Islam?”, adakah baca yasiin malam Jumaat merupakan suatu bid’ah yang dilarang dalam Islam?”, adakah sambutan Maulid Nabi merupakan suatu perkara yang menyalahi ajaran Islam?”. adakah doa secara berjamaah setelah solat merupakan suatu bid’ah”, “adakah pahala bacaan Al-Qur’an untuk si mati sampai kepada si mati?”, dan pelbagai persoalan-persoalan lain yang menimbulkan kekeliruan di kalangan orang-orang awam.

Tidak dapat dinafikan, sememangnya persoalan-persoalan tersebut merupakan suatu persoalan ilmiah, yang penting untuk dibincangkan. Tetapi, tempat perbincangan tersebut bukanlah di tengah-tengah masyarakat awam, (yang hatta ada di kalangan mereka yang baca Al-Qur’an pun belum mampu lagi). Tempat perbincangan tentang perkara-perkara yang menjadi perselisihan para ulama’ mengenainya, adalah di institusi-institusi pendidikan dan pengajian tinggi, bukan tempat-tempat pengajian golongan awam.

Persoalan-persoalan tersebut, jika ditanya oleh ahli ilmu, mudahlah untuk dibawa berbincang. Tetapi, kalau ianya ditanya oleh orang-orang awam, makin dijelaskan, makin keliru, kerana mereka tidak mempunyai ilmu-ilmu alat yang cukup untuk memahami perbincangan ilmiah dalam bidang keagamaan.

Contohnya, apabila seseorang awam bertanya: “adakah sambutan maulid Rasul merupakan suatu yang bid’ah?” Adakah dia sendiri memahami apakah yang dimaksudkan dengan perkataan “bid’ah” itu sendiri?

Kalaulah dia memahami bid'ah itu bermakna, perkara baru dalam agama, yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w., adakah semua perkara yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dalam perkara-perkara keagamaan, tidak boleh dilakukan?

Bagaimana pula dengan aktiviti pengumpulan Al-Qur'an dalam satu mashaf yang dilakukan oleh Saidina Abu Bakar r.a. dan Saidina Umar Al-Khattab r.a., bukankah ianya tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w., tetapi mengapa ia dibolehkan? Kalau kita cuba terangkan bid'ah dari segi bahasa itu sendiri terbahagi kepada beberapa bahagian, dan selagimana perkara baru yang dilakukan dalam agama, untuk tujuan masalih mursalah, tidak bercanggah dengan dasar-dasar ajaran Islam dan sebagainya, ianya tidak dilarang, dan tidak juga dinamakan bid'ah di sisi sebahagian ulama' usul, walaupun ianya dinamakan sebagai bid'ah dari sudut bahasa.

Kalau kita jelaskan seperti ini, adakah orang-orang awam mampu memahaminya, sedangkan dia tidak pernah mengenali apa itu aktiviti pengumpulan Al-Qur'an yang kita maksudkan, apa itu masalih mursalah yang kita katakan, apa itu bahagian-bahagian bid'ah yang kita bincangkan, apa yang dimaksudkan dengan "dasar-dasar ajaran Islam, apa makna ulama'-ulama' usul, dan sebagainya, yang dimaksudkan dari penjelasan kita tersebut? Jadi, orang-orang awam tidak mampu memahami dengan jelas, (melainkan ianya memakan masa yang lama), apa yang cuba kita terangkan, bagi persoalan-persoalan mereka.

Bayangkanlah, ada seorang budak tadika bertanya kepada gurunya: "Cikgu, betulkah jawapan kepada  $74243.5408 \times 8$  kuasa 2 + 834900 bahagi 59 ialah 988594.806, dan kalau betul, jelaskan kenapa ianya betul".

Cikgu tersebut sekurang-kurangnya, untuk membenarkan atau untuk menyalahkan jawapan tersebut, mungkin mudah. Tetapi, untuk menjelaskan kepada budak tadika tersebut, yang masih lagi tidak mampu memahami hakikat dari  $5+2=7$ , tentang bagaimana jawapan tersebut dinilai sebagai betul atau salah, merupakan suatu yang amat sukar, bahkan kemungkinan besar, akan menimbulkan kekeliruan terhadap budak tersebut juga. Akibat kekeliruan tersebut, boleh jadi dia akan menganggap Matematik merupakan sesuatu yang sukar dan pada saat itu, dia mula membenci perkara-perkara berkaitan dengan Matematik.

Dalam perkara ini, orang yang perlu dipersalahkan ialah orang yang mula-mula memberi soalan yang rumit tersebut kepada budak tadika tersebut sehingga mencetuskan kekeliruan akibat kekurangan ilmunya mengenai perkara-perkara tersebut. Kalaulah semata-mata dengan ilmu Matematik yang cetek, yang dimiliki oleh budak tadika tersebut, mustahil soalan yang rumit tersebut daripadanya. Oleh yang demikian, pastilah ada orang yang memberikan soalan yang rumit tersebut, yang pada hakikatnya, tidak sesuai untuk diberikan kepadanya, memandangkan ilmunya yang masih cetek.

Begitu juga, apabila ada seorang awam, yang tidak mempunyai latar belakang ilmu keagamaan yang mendalam, datang kepada seorang ahli ilmu lantas bertanya: "benarkah baca Yasiin malam Jumaat merupakan suatu kesalahan dari sudut agama dan bid'ah yang menyesatkan?"

Sudah tentu, perkara yang pertama, yang kita dapati dari situasi ini ialah, orang awam tersebut, yang tidak mempunyai latar belakang ilmu yang mendalam dalam bidang agama, takkala bertanya soalan tersebut, pastilah kita fahami bahawa, soalan tersebut bukan darinya. Pasti ada seseorang yang juga merupakan penuntut ilmu dalam bidang agama, yang mencetuskan persoalan-persoalan semacam itu, kepada si awam tersebut.

Untuk menjelaskan perkara tersebut dari sudut ilmiah juga, merupakan suatu kesukaran kerana si awam tersebut boleh jadi tidak memahami istilah-istilah yang bakal kita gunakan dalam menerangkan perkara-perkara tersebut, seperti istilah bid'ah itu sendiri, konsep ibadah dalam Islam, kaedah istinbath hukum dan lain-lain. Oleh yang demikian, selain ianya membebankan si awam itu sendiri, dengan pelbagai istilah-istilah ilmiah, ia juga akan membawa kebingungan dan kekeliruan yang lebih besar kepada si awam tersebut.

Bahkan, ianya boleh juga membawa seseorang awam kepada sikap ta'asub kepada pendapat baru tersebut (baca Yasiin malam Jumaat ialah bid'ah yang menyesatkan), seterusnya bertindak menyalahkan golongan yang melakukannya serta mengingkari mereka. Ini secara tidak langsung akan mengundang kepada perpecahan umat Islam.

Dalam situasi ini, seharusnya yang bertanggungjawab ialah, orang yang menimbulkan isu-isu khilafiyah di tengah-tengah masyarakat awam, yang mana seterusnya ia membimbangkan dan mengelirukan mereka, sehingga boleh membawa kepada fanatik dan perpecahan.

Persoalan yang paling penting, mengapa ahli ilmu yang mengetengahkan isu-isu khilafiyah tersebut, mengetengahkannya di khalayak awam? Ada pelbagai kemungkinan yang didasari oleh kekeliruan-kekeliruan.

Boleh jadi, ahli ilmu tersebut menganggap, perlu kepada kesatuan dalam umat Islam, kerana kebenaran hanya ada satu. Oleh yang demikian, semua pihak harus bersepakat dalam setiap cabang ajaran Islam, agar dapat menyatukan seluruh umat Islam dalam "satu kebenaran" tersebut.

Sebagai contoh, dalam masalah qunut di rakaat kedua, sewaktu solat subuh. Ada pihak yang mengamalkannya berdasarkan dalil-dalil mereka dan ada pihak yang tidak mengamalkannya berdasarkan dalil-dalil mereka. Maka, boleh jadi, pihak yang tidak mengamalkannya dengan dalil-dalil mereka menganggap kebenaran mutlak dalam masalah itu di sisi mereka, lantas menyerang golongan yang melakukan qunut pada solat Subuh tersebut bagi tujuan menyatukan umat Islam dalam kebenaran menurut mereka.

Golongan tersebut barangkali terlupa, tiada pengingkaran dalam masalah khilafiyah (yang diperselisihkan oleh ulama' mengenainya) selagimana kedua-dua pihak mempunyai dalil mereka tersendiri yang tidak bercanggah dengan kaedah-kaedah asas syariat Islam.

Golongan yang bermati-matian mengingkari perkara-perkara khilafiyah tersebut (sampai ada yang sanggup mengarang buku-buku khusus untuk mengingkari perkara khilafiyah tersebut), barangkali terlupa, mereka yang melakukannya juga mempunyai asas dari sumber-sumber syariat Islam.

Lebih malang lagi, boleh jadi mereka terlupa bahawa, dalam konsep ijtihad, bagi ijtihad yang betul di sisi Allah s.w.t., dua pahala, dan bagi ijtihad yang salah di sisi Allah s.w.t., satu pahala.

Dua fokus penting dalam kaedah ini ialah, hanya Allah s.w.t. yang menilai betul atau salahnya ijtihad seseorang, kerana hanya Dialah yang Maha Mengetahui. Adapun kebenaran di sisi kita, tidak boleh membawa kepada pengingkaran terhadap ijtihad orang-orang lain yang bercanggah dengan kefahaman dan pendapat kita, kerana kita bukanlah seorang yang ma'shum (terlepas dari kesilapan), dan berkemungkinan juga salah.

Fokus kedua ialah, Allah s.w.t. turut memberi satu pahala buat mereka yang salah dalam berijtihad, selagimana mereka telah berusaha sedaya-upaya untuk menggali hukum tersebut dari sumber-sumber Islam, kerana sekurang-kurangnya mereka telah berusaha untuk berkhidmat kepada agama Islam. Lihatlah, kalau Allah s.w.t. juga menjanjikan pahala buat orang-orang yang berusaha dan berijtihad untuk menggali hukum berdasarkan kemampuannya, hatta yang tersalah di sisi-Nya sekalipun, mengapa ada golongan yang bersikap mengingkari ijtihad-ijtihad ulama' yang bercanggah dengan ijtihad mereka, atau ijtihad imam mereka? Adakah mereka lebih utama mengingkari perkara-perkara yang bercanggah dengan mereka, daripada Allah s.w.t.???

Maha Suci Allah s.w.t. daripada sikap mereka tersebut.

Oleh yang demikian, kalaulah anda seorang ahli ilmu, dan anda mampu mentelaah bahan-bahan ilmiah sendiri, dalam pada itu anda berpegang dengan satu ijtihad yang berbeza dengan mazhab awam khususnya di Malaysia (iaitu mazhab As-Syafi'e, yang merupakan mazhab mufti mereka), maka tidak perlulah anda mengetengahkannya kepada masyarakat awam bagi mengelakkan kekeliruan dan perpecahan.

Kalau anda rasa, anda perlu mengetengahkan perkara-perkara tersebut kepada masyarakat untuk mengembalikan mereka kepada "kebenaran", maka andalah yang terkeliru dengan apa yang anda sangkakan.

"Kebenaran" menurut anda belum tentu kebenaran di sisi Allah s.w.t.. Oleh itu, siapa anda untuk mengingkari ijtihad-ijtihad dalam mazhab As-Syafi'e yang digunapakai oleh masyarakat awam di Malaysia? Adakah anda seorang nabi yang baru diutuskan, yang ma'shum dari kesalahan dalam berijtihad? Kalau anda bukan ma'shum (terpelihara dari kesalahan), maka anda bukanlah seorang yang layak mengingkari ijtihad-ijtihad yang bercanggah dengan ijtihad anda atau guru anda, selagimana mereka mempunyai dalil dan asas dari sumber-sumber perundangan dan hukum Islam.

Sikap anda yang cuba mengetengahkan isu-isu cabang dalam masalah fiqh yang khilafiyah (diperselisihkan ulama' mengenainya), boleh mengelirukan masyarakat awam, menjerumuskan mereka ke lembah perpecahan, seterusnya menyibukkan mereka dalam perkaa-perkara yang tidak penting, daripada perkara-perkara yang lebih penting dan utama seperti masalah murtad, masalah sosial dan sebagainya.

Ajaib lagi mengajaibkan, apabila ada sesetengah pihak yang sibuk berdebat dan bertekak mengenai tawassul, adakah ianya boleh atau syirik, sedangkan isu yang lebih parah ialah tentang masalah sosial, murtad, masalah serangan Israel ke atas negara-negara Islam dan sebagainya.

Pelik lagi memelikkan, apabila umat Islam yang seharusnya mencari titik permulaan untuk bersatu dalam perkara-perkara usul (prinsip atau utama), tiba-tiba ada golongan yang menimbulkan persoalan-persoalan khilaf dalam masalah furu' (cabang) dan sibuk mengingkari antara satu dengan yang lain dalam masalah khilafiyah, yang semakin menjauhkan sesama umat Islam.

Adakah mereka yang sibuk mengingkari golongan yang tidak sependapat dengan mereka, terkeliru dengan hakikat syariat Islam yang luas, atau jahil dengan adab-adab berselisih pendapat, atau mungkin sengaja ingin memecah-belahkan umat Islam? Apapun niat mereka, bukan menjadi fokus kita, kerana hanya Allah s.w.t.lah yang mengadili niat seseorang. Apa yang penting, sikap dan perbuatan mereka menyelahi etika dan prinsip-prinsip keluasan hukum Islam di samping menjerumuskan umat Islam ke dalam lembah perpecahan dan bahkan boleh juga sampai ke tahap pengkafiran sesama Islam sewenang-wenangnya.

## **Siri Penolakan Terhadap Wahabi (9): Teguran Dari Sheikh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi**

Oleh : Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaluddin Al-Razi Al-Azhari

### **Teguran Al-Allamah As-Sheikh Prof. Dr. Yusuf Al-Qaradhawi (semoga Allah s.w.t. menjaga beliau dan membalasi jasa beliau) Terhadap Sikap 'KeWahabian'**

Sheikh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi merupakan antara seorang ulama' yang amat terbuka lagi bersifat sederhana. Beliau merupakan tokoh ulama' yang ternama di serata dunia. Beliau antara para ulama' yang tidak terlalu menampilkan diri dalam menolak golongan Wahabi, walaupun beliau antara ulama' yang ditolak dan dikritik keras oleh golongan Salafi Wahabi tersebut.

Sehingga, dalam satu khutbahnya, beliau menjawab tertuduhan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa beliau termasuk dari kalangan golongan Salafi Wahabi dengan katanya: "Ada yang mengatakan saya dari kalangan golongan "Salafiyah Takfiriyyah (yang mengkafirkan orang sewenang-wenangnya). Saya ingin jelaskan bahawa, bagaimanalah saya dari kalangan mereka sedangkan mereka sendiri mengkafirkan saya? Saya tetap dengan pendirian saya yang menolak konsep takfir tersebut." ( rujuk dalam website beliau, mengenai khutbah tentang tsunami).

Sheikh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi yang bersifat sederhana (seperti gurunya Sheikh Muhammad Ghazali dan Ustaz Hasan Al-Banna), tidak mengkritik golongan Wahabi secara lantang. Namun, dalam banyak buku-buku karangan beliau, beliau turut menegur sikap golongan Wahabi tersebut dengan mengkritik sikap ta'asub dan jumud mereka dalam memahami syariat Islam.

Dalam buku karangan beliau 'Ummatuna bainal Qornain' (umat kita antara dua kurun), setelah menegaskan tentang kepentingan bersatu, beliau berkata:

"Saya ingin menjelaskan kepada sesetengah golongan yang menyempitkan perkara-perkara khilaf sesempit-sempitnya, di mana mereka ingin mengangkat perselisihan dalam masalah cabang-cabang dalam aqidah dan cabang dalam syariat dari umat Islam, dan ingin menyatukan manusia dalam satu pendapat. Hakikatnya, agenda mereka merupakan suatu igauan, kerana menghilangkan perselisihan dalam umat Islam merupakan suatu yang mustahil, bahkan ianya tidak pernah dituntut oleh syariat

untuk melakukannya (menggabungkan umat Islam dalam satu pendapat dalam setiap masalah).

“...Para sahabat sendiri berselisih pendapat, seperti dalam masalah solat Asar, pada hari perang Bani Quraidhah dan sebagainya, dan seterusnya, umat Islam terus berselisih pendapat...

“Perselisihan dalam ijtihad (pendapat dalam masalah syariah) merupakan suatu rahmat untuk umat.

“...Oleh yang demikian, orang yang mempunyai sesuatu pendapat, yang mana dia yakin dengan kebenaran pendapatnya, bersikap rendah diri, jauh dari tipu daya dan bangga dengan diri sendiri, kerana ia merupakan antara sebab-sebab kebinasaan yang membinasakan seseorang. Dia perlulah yakin bahawa, pendapatnya merupakan suatu kebenaran (di sisinya), namun ia tidaklah mashum (terpelihara dari kesalahan), kerana ianya masih pendapat seorang manusia biasa (bukan seorang Nabi), yang terdedah kepada kebenaran dan kesalahan.

“...Imam As-Syafi’e berkata: “Pendapatku benar, dan boleh jadi salah. Pendapat orang lain salah (di sisiku), dan boleh jadi benar (di sisi Allah s.w.t.).”

“...Saya mendengar ada yang bertanya: bagaimana pendapatku salah, sedangkan pendapatku berasaskan Hadis Rasulullah s.a.w., dan ia merupakan wahyu? Adakah wahyu boleh salah?”

“Saya menjawab kepada mereka: “Hadis merupakan wahyu, tetapi kefahaman kamu tentang hadis tersebut bukan wahyu. Bahkan ianya (kefahaman kamu tersebut) merupakan pendapat, yang boleh jadi orang lain bercanggah dengan kefahamanmu tersebut, sepertimana ada antara para sahabat yang bercanggah dengan lafaz hadis dalam kisah Bani Quraidhah, dan mereka solat di pertengahan jalan, dan menurut Ibn Taimiyah, mereka adalah benar (dalam memahami hadis tersebut) ...

“...Sesungguhnya, hendaklah kita berbaik sangka dengan orang lain, terutamanya sesama ahli dakwah, dan seboleh-bolehnya kita mentafsirkan sesuatu keadaan orang lain, dengan sebaik-baik kemungkinan dan tafsiran, dan sedaya-upaya mencari ruang untuk bersikap memaafkan sesama mereka, kerana orang yang beriman sentiasa memaafkan sesama insan dan bersikap berlapang dada (dalam keuzuran dan



kesalahan seseorang), sedangkan orang yang munafiq sentiasa mencari keaiban seseorang...tidak boleh perselisihan pendapat yang dibolehkan dalam Islam, membawa kepada perpecahan yang dilarang oleh Islam”[1]

Semoga kita mendapat manfaat dari teguran dan peringatan Al-Allamah Dr. Yusuf Al-Qaradhawi tersebut, dan semoga Allah s.w.t. membalasnya dengan sebaik-baik balasan, atas usahanya untuk memperbaiki umat Islam dan mengembalikan martabat mereka, amin.

---

[1] Ummatuna baina Al-Qornain, Dr. Yusuf Al-Qaradhawi, Dar As-Syuruq, m/s 223-227



Oleh : Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaluddin Al-Razi Al-Azhari

Seperti yang diberitahu sebelum ini, penulisan ini bukanlah suatu penulisan berbentuk mengkritik sesiapa kerana kebencian terhadap sesuatu kelompok mahupun kefanatikan terhadap suatu kelompok yang lain. Karangan ini ditulis untuk menjelaskan sedikit sebanyak tentang isu yang hangat diperbincangkan oleh segenap lapisan masyarakat. Bahkan, ianya merupakan “surat cinta” kepada golongan Wahabi, kerana ianya berbentuk nasihat dari penulis, dan nasihat ialah dari cinta penulis kepada mereka, yang juga merupakan saudara penulis dalam Islam.

Penjelasan ini bertujuan untuk menyingkap apa di sebalik pertentangan terhadap golongan Salafi Wahabi, yang dilancarkan oleh majoriti ulama’ Islam samada secara lantang mahupun secara tersembunyi dan kiasan.

Penjelasan ini juga bertujuan memberi kefahaman kepada mereka yang ingin memahami tentang hakikat di sebalik penentangan ke atas Wahabi, bagi mengambil beberapa pengajaran penting.

Kesimpulannya, ada beberapa perkara penting yang dapat diambil dari karangan ini adalah:

Pertama: Istilah Wahabi khususnya dalam penggunaan mereka yang menentang Wahabi merujuk kepada suatu gagasan pemikiran yang mewaliki ciri-ciri ta’asub, jumud, tasyaddud (bersikap keras) dan seterusnya membawa kepada takfir (mengkafirkan orang) sewenang-wenangnya. Ia selalunya merujuk kepada aliran pemikiran yang diasaskan oleh pemimpinnya iaitu, Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab.

Mereka ditentang bukan kerana nama mereka Wahabi. Mereka ditentang bukan kerana semata-mata mereka meminati Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab. Mereka ditentang kerana ciri-ciri pemusnah yang mereka bawa dalam pemikiran mereka seterusnya mempraktikkannya dengan agenda membid’ahkan dan mengkafirkan orang Islam sewenang-wenangnya.

Kalaupun ada di kalangan mereka yang mengaku salafi, namun tidak mengakui bercirikan ciri-ciri yang disebutkan, maka mereka bukanlah sasaran mereka yang menentang golongan Wahabi.

Adapun mereka yang menolak dakwaan bahawa golongan Wahabi mengkafirkan orang, dan mereka yang berusaha menolak dakwaan tersebut, pada hakikatnya cuba “menegakkan benang yang basah”. Berdasarkan banyak asas, sememangnya golongan Wahabi terlibat dengan aktiviti mengkafirkan sesama Islam sewenang-wenangnya, bahkan sampai ke tahap menumpahkan darah sesama Islam semata-mata kerana telah dikafirkan oleh mereka, kerana tidak mengikut pendapat mereka.

Kedua: Mungkin di Malaysia, mereka yang terpengaruh dengan Wahabi, tidak mengaku Wahabi kerana nama Wahabi di Malaysia merupakan suatu nama yang menjadi simbol golongan ekstrim atau sesat dan sebagainya. Namun, benih-benih pemikiran Wahabisme turut kelihatan sedang tersebar di Malaysia, samada di kalangan awam mahupun di kampus-kampus pengajian.

Benih-benihnya dapat dilihat dalam bentuk, bersikap keras dalam mengingkari perkara-perkara cabang yang diperselisihkan ulama' mengenainya, dan mengetengahkannya ke dalam masyarakat, seolah-olah lagaknya sebagai sang pembela agama, padahal dia sebenarnya membawa bencana perpecahan yang lebih besar.

Sikap mengetengahkan perkara-perkara yang bercanggah dengan mazhab mufti tempatan, bahkan bersikap mengingkari dan menolak ijthad-ijthad dalam mazhab As-Syafi'e yang menjadi mazhab kebanyakan mufti di Malaysia, merupakan suatu perkara yang mengelirukan masyarakat awam. Ini kerana, menurut Dr. Yusuf Al-Qaradhwai, mazhab awam ialah mazhab muftinya. Hal ini bagi mengekalkan perpaduan sesama masyarakat awam di samping mengelakkan kekeliruan.

Ketiga: Orang-orang awam yang tidak mempunyai latar belakang ilmu agama yang mendalam, seharusnya berpegang dengan mazhab mufti tempatnya (kalau di Malaysia, mazhab As-Syafi'e), dan tempat rujukannya dalam masalah kefahaman tentang syariat dan aqidah Islam, haruslah merujuk kepada mazhab muftinya, dan para ulama' yang bertauliah dan diakui kefahamannya tidak bertentangan dengan mazhab mufti tempatan.

Keempat: Para ahli ilmu yang berpegang dengan ijthad-ijthad yang dipercayai benar di sisinya, namun bercanggah dengan mazhab mufti tempatan, maka ianya tidak perlulah diketengahkan ke dalam masyarakat awam, yang mana mazhab mereka adalah mazhab mufti mereka. Cukuplah sekadar dia beramal untuk diri sendiri, ijthad-ijthad tersebut, dan boleh juga dikongsikan kepada sesama ahli ilmu agama, untuk diperbincangkan dan sebagainya, tetapi bukan di tengah-tengah masyarakat awam yang tiada asas dalam ilmu agama yang mendalam. Ini bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan mereka mahupun perpecahan.

Bahkan, tidak bolehlah dia mengingkari ijthad-ijthad mazhab negara tersebut, semata-mata kerana dia menyangka kefahamannya yang paling betul dari sumber-sumber hukum Islam tersebut, selagimana dia bukan seorang NABI. Ini kerana, selagimana dia bukan seorang nabi, maka dia bukan seorang ma'shum (terpelihara dari kesalahan). Selagimana dia tidak ma'shum, selagi itu dia berkemungkinan betul dan berkemungkinan juga salah dalam memahami sesuatu. Oleh itu, selagimana dia berkemungkinan salah, dia tidak berhak mengingkari pendapat orang lain, kerana mereka berkemungkinan betul, sepertimana dia berkemungkinan salah.

Kesimpulan bagi kesimpulan karangan ini ialah, penentangan terhadap Wahabi, merupakan suatu siri penentangan yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Apa yang penting, golongan yang menentang Wahabi bukan kerana mereka membenci Muhammad bin Abdul Wahab, bahkan ramai di

kalangan mereka mengakui kepentingan beliau dalam berperanan memperbaiki kekusutan umat Islam suatu ketika dahulu.

Mereka menentang golongan Wahabi, kerana ciri-ciri gagasan pemikiran Wahabisme yang mereka bawa, bersifat ta'asub (fanatik), jumud (statik), tasyaddud (keras atau ekstrim) dan sebagainya yang membawa kepada sikap cepat membid'ahkan orang lain, mudah mengkafirkan sesama Islam sewenang-wenangnya, bahkan boleh membawa kepada pertumpahan darah sesama Islam andai tidak dibendung dan dikawal.

Oleh itu, bagi mereka yang menghargai umat Islam, dan masih menyayangi mereka, perlulah mereka menjauhi gagasan pemikiran Wahabisme dan menjauhi golongan Wahabi yang bersikap dengan sikap ta'asub, jumud dan sebagainya.

Kalau anda keliru tentang Salafi, bacalah buku As-Salafiyah, karangan Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buti. Kalau anda keliru tentang masalah-masalah yang sering dibid'ahkan oleh para Salafi Wahabi, rujuklah pelbagai buku-buku karangan ulama'-ulama' terdahulu seperti Imam Al-Asqolani, Imam Ibn Hajar Al-Haithami, Imam An-Nabhani, Imam Al-Kauthari dan sebagainya, dan ulama'-ulama' masa kini, seperti Shiekh Abdul Fatah Ghudah, Sheikh Abdullah As-Siddiq Al-Ghumari, Dr. Umar Abdullah Kamil, Sheikh Sa'id Fudah, Sheikh Al-Allamah Dr. As-Sayyid Muhammad bin As-Sayyid 'Alawi Al-Maliki, Sheikh Dr Ali Jum'ah dan sebagainya, untuk penjelasan-penjelasan tentang perkara-perkara yang dibid'ahkan dan ditentang oleh golongan Wahabi, yang pada hakikatnya mempunyai dasarnya dalam nash-nash sumber hukum Islam.

Ingatlah bahawa, selagimana kita di kalangan orang awam, mufti merupakan tempat sandaran kita dalam merujuk perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah agama. Merekalah yang bertanggungjawab di hadapan Allah s.w.t., dalam menerangkan kefahaman Islam kepada kita yang masih awam. Oleh itu, tidak perlu takut lagi sebagai seorang awam, dan terpengaruh dengan golongan yang cuba mengelirukan kita, dengan masalah khilaf, kerana kita sudah menunaikan tanggungjawab kita sebagai awam, takkala kita bermazhab dengan mazhab mufti kita, dan bersandar kepada ilmu dan kefahaman mereka selagimana kita di kalangan awam, kerana Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud, "tanyalah ahli zikr (ilmu) kalau kamu tidak mengetahui". Oleh itu, takkala mufti menjadi rujukan orang-orang awam, terlepaslah tanggungjawab mereka kerana telah bertanya kepada ahli ilmu (mufti yang diberi tauliah dari ulil amri dan diiktiraf di sisi majoriti ulama'), apa yang tidak mereka ketahui.

Kalau anda orang awam pula, lakukanlah apa yang anda rasa betul berdasarkan dalil yang anda miliki, tetapi, selagimana anda bukan seorang NABI, anda tidak berhak memaksa orang lain mengikut kefahaman anda mahupun mengingkari pendapat orang lain apatah lagi membid'ah dan menyesatkan mereka yang percanggah dengan anda dalam masalah cabang-cabang dalam agama.

Apa yang penting, fahamilah bahawa, golongan yang menentang Wahabi, akan terus menentang Wahabi, selagimana golongan Wahabi terus-menerus berpegang dengan sikap-sikap pemusnah umat

Islam yang disebutkan sebelum ini, kerana sikap-sikap tersebut akan merosakkan umat Islam andai tidak dibendung.

Oleh itu, fahamilah juga bahawa, golongan yang menentang Wahabi, tidak pernah menentang Wahabi kerana hasad terhadap mereka, kerana golongan tersebut bukanlah golongan yang mempunyai banyak keistimewaan sekalipun, berbanding golongan-golongan yang menentang mereka (Wahabi) tersebut. Mereka menentang golongan Wahabi bukan juga atas dasar ingin menyemaikan benih permusuhan, seperti yang dilakukan oleh golongan Wahabi, tetapi ianya merupakan satu agenda untuk membersihkan umat Islam dari gejala ta'asub, takfir, jumud, tasyaddud dan sebagainya yang dibawa oleh gagasan fahaman Wahabi tersebut. Hal ini dalam rangka menyuruh kepada kebaikan dan mencegah yang kemungkaran. Bukankah perpecahan dan permusuhan itu suatu kemungkaran. Oleh itu, segala bentuk agenda yang membawa kepada permusuhan dan saling kafir-mengkafirkan antara sesama muslim perlu dihentikan. Oleh kerana itulah, golongan Wahabi ditentang hebat, kerana fahaman keras yang mereka bawa.

Oleh itu, andai golongan Wahabi meninggalkan sifat-sifat seperti tasyaddud, jumud dan takfir tersebut, sudah tentu golongan yang menentang Wahabi tidak akan lagi menentang Wahabi, selagimana masing-masing memahami prinsip-prinsip dan adab-adab dalam berselisih pendapat.

Wahabi bukanlah suatu nama yang merujuk kepada suatu penghinaan terhadap sesuatu golongan, ianya merupakan suatu penggunaan secara istilah, yang merujuk kepada sesuatu pola pemikiran yang sering dikaitkan dengan takfir, tasyaddud dan sebagainya. Oleh itu, penggunaan istilah Wahabi di sini sekadar merujuk kepada fahaman tersebut, (seperti yang telah dijelaskan sebelum ini), bukan untuk menghina mana-mana pihak.

Demikianlah sedikit penjelasan tentang isu Wahabi ini, semata-mata dengan ini, penulis mengharap agar Allah s.w.t. meredhai kita semua sebagai para hamba-Nya dan menjadikan kita di kalangan mereka yang berpegang dengan kebenaran dan tidak tertipu dengan ujub diri sendiri dalam mencari kebenaran. Semoga Allah s.w.t. membantu kita dalam menyebarkan risalah Islam ke serata alam...

Amin...

Wallahu a'lam...

Al-Faqir ila Rabbihi Al-Jalil

Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin